

DATE: 24/09/2007

# 'China bukan ancaman kita'

BH -  
24/9/2007

Oleh Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata Malaysia tidak pernah menganggap pertumbuhan luar biasa China sebagai ancaman, sebaliknya sebagai wadah mempertingkatkan perhubungan dan rantaian kerjasama bagi menjana kemakmuran bersama.

Timbalan Perdana Menteri berkata, China kini adalah rakan dagang keempat terbesar Malaysia dengan jumlah dagangan bernilai RM100 bilion pada 2006, manakala eksport Malaysia semakin meningkat dan berjumlah RM42.66 bilion pada tahun sama.

"Sehubungan itu, syarikat China perlu memanfaatkan kedudukan strategik Malaysia di rantau ini serta kekayaan sumber asli yang dimilikinya untuk menjadikan negara ini sebagai pusat pengeluaran, pemasaran dan penyumberan produk mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Konvensyen Antarabangsa Perfect anjuran Perfect China Co Ltd di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis itu Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat dan Pengerusi Perfect China Co Ltd, Datuk Khoo Yuen Kim.

Perfect adalah antara syarikat pemasaran produk berasaskan kesihatan di China yang memasarkan produknya menerusi 33 cawangan dan 3,300 rangkaian kedai runcit. Ia sudah membuka cawangan di Malaysia,

Hong Kong, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Berucap kepada lebih 8,000 wakil niaga produk keluaran Perfect yang menghadiri konvensyen dan lawatan insentif itu, Najib berkata, pemimpin syarikat berkenaan harus memanfaatkan kunjungan itu untuk meneroka lebih luas peluang perniagaan di negara ini.

Katanya, berikutan keluaran Perfect merangkumi produk kecantikan dan kesihatan, syarikat patut memanfaatkan kepelbagaian sumber semula jadi negara seperti herba, tumbuhan, bunga dan bahan yang mengandungi ciri perubatan serta terapeutik sebagai sumber pengeluaran produknya.

"Saya pasti pihak berkuasa serta syarikat swasta tempatan bersedia dan berminat untuk bekerjasama dengan Perfect bagi mendapatkan bahan berkenaan," katanya.

Mengenai konvensyen pertama yang dijangka menyumbang RM45 juta kepada ekonomi Malaysia menerusi kegiatan pelancongan itu, Najib berkata, ia unik kerana menggabungkan aspek perniagaan dan hiburan.

Dalam aspek perniagaan, Najib berkata, selain mengikuti sesi percambahan minda, mereka dapat meneroka peluang perniagaan baru serta menilai persekitaran dan kemudahan perniagaan bertaraf dunia yang ditawarkan Malaysia.

Mengulas lanjut, Najib berkata, China juga penting bagi Malaysia dalam bidang pelancongan kerana Pertumbuhan Pelancongan Dunia mengunjurkan pelancong China meningkat kepada 50 juta menjelang 2010 dan 100 juta menjelang 2020, sekali gus menjadikan negara itu sumber utama pelancong untuk seluruh dunia.

Katanya, kedatangan pelancong China ke Malaysia merekodkan peningkatan ketara daripada 10.5 juta pada 2003 kepada 17.5 juta pada 2006.

"China sentiasa menduduki tangga 10 teratas bagi pasaran pelancongan Malaysia dan antara Januari hingga Jun 2007, Malaysia sudah menarik 330,000 pelancong China, meningkat 80.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu," katanya.

## FAKTA NOMBOR

Pelancong China ke Malaysia

**10.5 juta**

Pada 2003

**17.5 juta**

Pada 2006